



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI BULAN FEBRUARI 2023

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) pada hari ini telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi bulan Februari 2023. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas lebih daripada 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana dan besar daripada sebelas sektor ekonomi, dari semua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan; pelaburan; pengambilan pekerja; dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, ia boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi di dalam negara.

3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

| Nilai BSI | Ulasan |
|-----------|--|
| Atas 50 | Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya |
| 50 | Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya |
| Bawah 50 | Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya |

4. Terdapat sembilan sub-indeks di dalam BSI di mana **Sub-indeks Keadaan Perniagaan**, iaitu indeks utama BSI, adalah 50.2 bagi bulan Februari 2023 berbanding dengan 50.0 bagi bulan Januari 2023. Ini menunjukkan bahawa secara amnya, perniagaan sektor swasta menjangkakan keadaan perniagaan yang lebih baik pada bulan Februari 2023 berbanding dengan bulan sebelumnya. Meskipun bulan Februari merupakan bulan yang lebih singkat, para peniaga masih optimistik disebabkan oleh promosi jualan berterusan yang dijangka akan meningkatkan permintaan bagi produk dan perkhidmatan mereka. Memandang ke hadapan, secara amnya, prestasi bagi bulan Mac 2023 dijangka masih optimistik dengan indeks bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan di tahap 50.2. Faktor-faktor utama yang menyumbang kepada sentimen optimistik ini adalah peningkatan aktiviti dari projek-projek baharu dan jangkaan permintaan yang akan terus meningkat bagi persediaan sambutan bulan Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri.
5. **Sub-indeks Pelaburan** adalah 50.1 bagi bulan Februari 2023, 50.3 untuk satu bulan ke hadapan, dan 50.5 bagi tiga bulan ke hadapan. Ini menunjukkan bahawa, secara amnya, para peniaga menjangka akan meningkatkan tahap perbelanjaan pelaburan pada bulan Februari dan juga pada beberapa bulan yang akan datang. Antara faktor-faktor utama yang dikongsikan oleh para peniaga bagi peningkatan ini

termasuk pembelian mesin, peralatan dan bahan-bahan untuk melaksanakan projek baharu, pengubahsuaian pejabat dan perkembangan perniagaan, penambahan perbelanjaan untuk menaik taraf sistem-sistem bagi meningkatkan produktiviti dan efisiensi, serta peningkatan inventori bagi persediaan untuk sambutan Hari Raya Aidilfitri.

6. **Sub-indeks Pengambilan Pekerja** adalah 50.3 bagi bulan Februari 2023, dan 50.4 bagi satu bulan ke hadapan. Ini menunjukkan bahawa, secara amnya, perniagaan menjangka akan meningkatkan jumlah pekerja pada bulan Februari 2023 dan pada bulan berikutnya. Kebanyakan perniagaan menyatakan bahawa rancangan untuk meningkatkan jumlah pekerja ini adalah bagi keperluan projek-projek baharu dan yang sedang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, ada sebahagian dari peniaga juga menyatakan bahawa terdapat keperluan untuk mengambil lebih ramai tenaga pekerja untuk memenuhi permintaan yang dijangka akan meningkat.
7. **Sub-indeks Kos** adalah 50.0 bagi bulan Februari 2023, dan 50.1 bagi satu bulan ke hadapan. Para peniaga, secara amnya, menjangka kos menjalankan perniagaan pada bulan Februari 2023 adalah lebih kurang sama dengan bulan sebelumnya. Bagi bulan Mac 2023 pula, para peniaga menjangka kos akan meningkat berbanding dengan bulan Februari 2023. Secara amnya, faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan kos dalam masa terdekat adalah kenaikan kos bahan-bahan dan perbelanjaan untuk membayar gaji tenaga pekerja serta penambahan aktiviti-aktiviti pemasaran dan promosi.

| BSI Februari 2023 | |
|---|-------------|
| Keadaan Perniagaan | 50.2 |
| Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan | 50.2 |
| Pelaburan | 50.1 |
| Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan | 50.3 |
| Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan | 50.5 |
| Pengambilan Pekerja | 50.3 |
| Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan | 50.4 |
| Kos Perniagaan Bulan Ini | 50.0 |
| Kos Satu Bulan ke Hadapan | 50.1 |

8. Dari segi **sektor ekonomi**, tiga daripada sebelas sektor mencatatkan sentimen optimistik bagi bulan Februari 2023, iaitu sektor Perkhidmatan Lain yang didorong oleh peningkatan jumlah projek dan aktiviti berkaitan dengan promosi jualan pada bulan ini, serta sektor Minyak dan Gas dan yang Berkaitan dan sektor Pembuatan, di mana tahap pengeluaran dan jualan juga dijangka akan meningkat. Sebaliknya, lima daripada sebelas sektor mencatatkan sentimen pesimistik bagi bulan Februari 2023 berbanding dengan bulan Januari 2023. Selain daripada bulan Februari merupakan bulan yang lebih singkat, dua hari kelepasan awam iaitu sambutan Israk Mikraj dan Hari Kebangsaan ke-39 juga menyumbang kepada penurunan tahap penjualan pada bulan Februari 2023 berbanding dengan bulan sebelumnya. Sentimen pesimistik ini juga dilihat dalam sektor Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan; sektor Kewangan & Insurans; sektor Pembinaan; dan sektor Pengangkutan & Komunikasi. Pada masa yang sama, sektor Hotel dan Restoran menjangkakan kadar penginapan yang lebih rendah bagi bulan Februari 2023. Sementara itu, sektor-sektor lain melaporkan sentimen keadaan perniagaan yang lebih kurang sama pada bulan Februari 2023 berbanding dengan bulan Januari 2023.

| Keadaan Perniagaan Februari 2023 Mengikut Sektor | |
|--|------|
| Perkhidmatan Lain | 50.4 |
| Minyak & Gas dan yang Berkaitan | 50.3 |
| Pembuatan | 50.2 |
| Perdagangan Borong & Runcit | 50.0 |
| Harta Tanah & Pemilikan Kediaman | 50.0 |
| Kesihatan & Pendidikan | 50.0 |
| Pembinaan | 49.9 |
| Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan | 49.9 |
| Kewangan & Insurans | 49.9 |
| Hotel & Restoran | 49.6 |
| Pengangkutan & Komunikasi | 49.2 |

9. Dari segi indeks mengikut **saiz perniagaan**, perniagaan bersaiz mikro berpandangan optimistik bagi bulan Februari 2023 berbanding dengan bulan Januari 2023. Disamping itu, perniagaan bersaiz kecil melaporkan keadaan perniagaan yang lebih kurang sama pada bulan Februari 2023 dan perniagaan bersaiz sederhana dan besar mencatatkan sentimen pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya.

| Keadaan Perniagaan Februari 2023 mengikut Saiz | |
|--|------|
| Mikro | 50.3 |
| Kecil | 50.0 |
| Sederhana | 49.9 |
| Besar | 49.9 |


10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak bulan Ogos 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN 1**. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di www.bdcg.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 27 Sya'ban 1444H / 20 Mac 2023M
Ruj: BDCB/COMMS/3

LAMPIRAN 1


Keadaan Perniagaan



Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Pelaburan



Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Kadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.


Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama /tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.


Kos



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos. Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Februari 2023



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.